

Usahawan hasil DEB diragui

B.H 29 JUL 1992

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata kegagalan terbesar usahawan Bumiputera yang dilahirkan melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) ialah masyarakat tidak dapat menerima dan meyakini kemampuan mereka.

Menurutnya, orang ramai, termasuk Bumiputera sendiri, tidak mahu memberi kontrak kepada peniaga dan pengusaha berkenaan menyebabkan mereka terpaksa bergantung kepada kontrak kerajaan dan keistimewaan tertentu.

"Kita boleh bersedih, bahkan marah kerana rasa tidak percaya masyarakat terhadap kebanyakan peniaga dan pengusaha Bumiputera. Kita mungkin berpendapat menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memaksa supaya peniaga Bumiputera diterima atau diberi kuota.

"Tetapi pendekatan ini hanya menunjukkan Bumiputera tidak mungkin mampu mengatasi kelemahan mereka. Anggapan ini amat menghinakan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapannya ketika melancar-

kan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), anak syarikat Yayasan Pelaburan Bumiputera, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat dan Pengerusi PUNB, Tun Ismail Ali.

Menurut Dr Mahathir, masalah itu berpunca daripada pendapat umum yang mengatakan sesiapa sahaja yang berminat boleh menyertai bidang perniagaan walaupun tidak mempunyai pengetahuan khusus.

"Oleh sebab pandangan inilah, apabila DEB dilancarkan, ramai yang memasuki bidang perniagaan dan perusahaan tanpa sebarang persiapan.

Asalkan mendapat lesen dan kontrak, modal boleh diperolehi dan perniagaan berjalan.

"Walaupun ada yang berjaya melalui proses yang tidak teratur ini, lebih ramai, yang bukan sahaja gagal, tetapi mengalami nasib yang lebih buruk, daripada tidak berhutang kepada menanggung hutang yang banyak dan lebih teruk lagi menjadi mufliis," katanya.

Mengenai PUNB, Dr Mahathir berkata, Permodalan Nasional Berhad (PNB), yang juga anak syarikat Yayasan Pelaburan Bumiputera, ditugaskan membentuk PUNB sebagai satu lagi pendekatan bagi mewujudkan lebih ramai usahawan Bumiputera.

Menurutnya, ini adalah usaha berterusan kerajaan dalam proses mengimbangkan ekonomi antara kaum.

"Saya berbangga kerana difahamkan sambutan Bumiputera terhadap usaha ini amat menggalakkan. Lebih ramai yang meminta untuk menyertai program PUNB daripada yang mampu diterima olehnya.

"Yang gagal tidak perlu kecewa manakala yang berjaya harus ingat bahawa penerimaan mereka menyertai skim PUNB adalah langkah yang kecil sahaja ke arah kejayaan," katanya.

Menurut Dr Mahathir, kerajaan tidak memberi tempoh kepada PUNB untuk mencapai tahap operasi keempatnya iaitu syarikat Bumiputera yang diberi bantuan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).